

TERASA HILANG

Hampir setahun berlalu selepas pemergian tokoh korporat , Ananda Krishnan pada November 2024 dan kelompongan kuasa mula dirasakan dalam empayar perniagaannya yang luas. Hal ini membuatkan ramai tertanya-tanya, siapakah yang bakal mengawal hala tuju empayar itu?

YANG PATAH 'KAN TUMBUH, YANG HILANG BAKAL BERGANTI?

HAMPIR setahun berlalu selepas pemergian tokoh perniagaan terkemuka dan jarang muncul di khalayak ramai, Tatparanandam Ananda Krishnan, pada usia 86 tahun pada 28 November 2024. Terdapat petanda yang semakin jelas bahawa ketiadaan beliau menandakan berakhirnya satu era penting dalam landskap korporat Malaysia.

Berbeza dengan jutawan terkaya di Malaysia, Robert Kuok Hock Nien yang baru-baru ini menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-102, Ananda, anak kelahiran Brickfields, Kuala Lumpur, boleh digambarkan sebagai usahawan Malaysia sejati. Ini adalah kerana kehebatan korporatnya banyak tertumpu di dalam dan sekitar tanah air, berbanding dengan kekayaan Kuok (yang dilahirkan pada 6 Oktober 1923) yang lebih menjangkau rantau Asia Timur dan Asia Tenggara.

Syarikat Usaha Tegas Sdn Bhd, yang diasaskan dan dipengerusikan oleh Ananda, menjadi batu loncatan penting dalam perjalanan beliau daripada seorang usahawan minyak kepada salah seorang tokoh korporat paling berpengaruh di Asia.

Empayar perniagaannya merangkumi pelbagai sektor termasuk telekomunikasi (Maxis Berhad), media (Astro Malaysia Holdings Berhad, Tanjong plc yang dinyahsenarai pada Ogos 2010 dan TGV Cinemas Sdn Bhd yang tidak disenaraikan), minyak dan gas (Bumi Armada Berhad), tenaga (melalui Tanjong plc) serta operasi satelit (Measat Global Bhd, yang dinyahsenarai pada Oktober 2010).

Kekosongan kuasa yang semakin terasa

Hampir setahun selepas pemergian Ananda, satu kelompongan kepimpinan mula menyelubungi empayar perniagaan yang dahulunya dikawal rapi. Dari sudut perancangan pengganti, jelas dilihat bahawa ketiga-tiga anak beliau (dua perempuan dan seorang lelaki) tidak menunjukkan minat untuk mengambil alih legasi perniagaan yang ditinggalkan.

Anak lelaki Ananda, Venerable Ajahn Siripanyo, telah lama meninggalkan dunia korporat dan memilih kehidupan spiritual sebagai sami Buddha Theravada. Kini beliau mengetuai biara Dtao Dam Hermitage di sempadan Thailand-Myanmar.

Oleh yang demikian, tanggungjawab mengurus kepentingan Ananda dalam pelbagai jenis industri ini kini digalas oleh sekumpulan pengurus profesional dalam syarikat pemegang pelaburannya, Usaha Tegas.

Buat masa ini, semuanya tampak berjalan seperti biasa, dengan jentera empayar itu terus beroperasi, dipacu oleh pasukan eksekutif utamanya bagi mengekalkan kesinambungan operasi. Namun di sebalik ketenangan itu, wujud rasa tidak pasti.

Struktur pegangan saham yang rumit dan tidak telus dalam syarikat-syarikat tersenarai di bawahnya, digabungkan pula dengan ketiadaan pengganti rasmi, menimbulkan persoalan: siapakah sebenarnya yang kini menerajui tampuk kepimpinan?

Hala tuju strategik untuk syarikat-syarikat utama seperti Maxis, Astro Malaysia dan Bumi Armada kini berada dalam keadaan genting. Walaupun operasi hariannya masih stabil, hala tuju jangka panjang, yang dahulunya digerakkan oleh ketegasan dan visi Ananda kini kian kabur.

Tidak dinafikan, kebanyakan operasi semasa umpama dibiarkan dalam keadaan tidak menentu walaupun wujudnya kestabilan yang sementara.

Siapakah yang menerajui Usaha Tegas sekarang?

Ketika mengumumkan pemergian Ananda setahun yang lalu, Usaha Tegas tidak menamakan jurucakap rasmi. Ini memberikan suatu petunjuk bahawa identiti individu yang kini membuat keputusan dalam syarikat pegangan pelaburan itu masih dirahsiakan.

Usaha Tegas yang diasaskan pada 1984 dan beribu pejabat di Kuala Lumpur mempunyai rangkaian syarikat tempatan dan luar pesisir yang rumit, termasuk di Labuan, Kepulauan Cayman dan British Virgin Islands. Keadaan ini menjadikan maklumat umum tentang struktur pemilikan dan perancangan pewarisannya sukar diperoleh.

Walaupun Usaha Tegas merupakan pemegang saham utama dalam beberapa syarikat tersenarai, tahap ketelusan yang berkaitan pemilikan dan kawalan dalam struktur syarikat itu masih kabur.

Setakat yang diketahui, terdapat empat entiti utama yang dikawal oleh Krishnan Family Trust, yang ditubuhkan pada tahun 1990an di Channel Islands, sebuah lokasi yang mesra dan sesuai untuk penubuhan dan operasi “family office” (entiti atau organisasi persendirian yang ditubuhkan untuk mengurus kekayaan, pelaburan dan aset sesebuah keluarga). Empat entiti ini ialah PanOcean Management Ltd, Pacific States Investment Ltd (PSIL), Excorp Holdings NV dan Pexco Holdings (US)¹.

PanOcean Management memiliki 100% pegangan dalam Excorp, yang seterusnya mengawal PSIL. PanOcean merupakan sebuah amanah budi bicara (*discretionary trust*) di mana penerimanya ialah ahli keluarga Ananda dan yayasan amalnya seperti Yu Cai Foundation (yang diasaskan oleh Ananda pada Januari 2015). Pexco pula sebelum ini memegang kepentingan keluarga di Amerika Syarikat.

PSIL juga mengawal Usaha Tegas yang memegang 62.3% kepentingan ekuiti dalam Maxis, 34.6% dalam Bumi Armada dan 41.3% dalam Astro Malaysia.

¹ Rencana *Alternative Views: Ananda's unfinished business leaves much to speculation*, diterbitkan pada 9 Disember 2024, diakses melalui <https://theedgemalaysia.com/node/736987>

Selain Usaha Tegas, sebuah lagi syarikat yang memegang aset peribadi Ananda ialah firma perunding MAI Holdings Sdn Bhd, perniagaan pertama beliau. Dari sinilah Ananda menubuhkan Exoil Trading, yang kemudiannya memperoleh konsesi penggerudian minyak di beberapa buah negara.

Ananda kemudiannya beralih kepada industri perjudian di Malaysia, khususnya lumba kuda dan operasi pertaruhan, melalui Usaha Tegas, yang seterusnya memindahkan unit perjudian, Pan Malaysian Pools Sdn Bhd (PMP), ke dalam Tanjong plc yang kini sudah dinyah senarai. Selepas itu, Genting Berhad memperoleh PMP daripada Tanjong plc pada tahun 2011.

Pada awal 1990-an, beliau mula menceburi bidang multimedia dan telekomunikasi untuk “mendahului arus perubahan”.

Kebimbangan dalam kalangan bank dan pelabur

Kini, struktur pegangan saham dalam syarikat-syarikat Ananda dipercayai melibatkan beberapa lapisan entiti tempatan dan luar pesisir.

Bagaimanapun, tiada siapa yang benar-benar pasti sejauh mana kepentingan sebenar beliau dalam syarikat-syarikat tersenarai itu atau sama ada terdapat pemegang saham lain dalam pelaburannya dalam syarikat luar pesisir.

“Jadi, siapakah pembuat keputusan sebenar sekarang?”

“Walaupun perniagaannya kini dikendalikan secara profesional, siapakah yang memberikan arahan dan ia dibuat untuk kepentingan siapa?”

Persoalan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan komuniti kewangan tentang hala tuju jangka panjang, struktur tadbir urus dan kestabilan empayar itu tanpa pengawasan langsung daripada Ananda.

Sehubungan itu, bank dan pelabur institusi dipercayai sedang menilai semula pendedahan risiko serta kemungkinan penyusunan semula dalam masa terdekat.

Apakah yang menanti Maxis, Astro Malaysia dan Bumi Armada serta syarikat yang berkaitan selepas ini? Adakah akan berlaku penggabungan dan pemerolehan, pelupusan aset atau kemunculan kuasa baharu yang mengambil alih kawalan?

Jika dilihat daripada harga saham semasa, cabaran yang dihadapi oleh pelbagai syarikat warisan Ananda tampak membimbangkan. Astro Malaysia misalnya, kini mencatatkan harga saham hampir ke paras terendah sepanjang masa iaitu 12.5 sen dan kebanyakan penganalisis memberikan saham stesen TV satelit pertama ini pada penarafan “JUAL”.

Maxis juga berdepan tekanan akibat persaingan sengit dalam pasaran yang tepu, manakala Bumi Armada turut menerima nasib yang sama seperti Astro Malaysia, apabila harga sahamnya jatuh kepada 33.5 sen, paras terendah dalam tempoh 52 minggu, selepas pembatalan cadangan penggabungan dengan unit pengeluaran luar pesisir milik MISC Bhd.

Apakah yang akan berlaku pada masa hadapan?

Walaupun ketiga-tiga syarikat itu masih beroperasi seperti biasa, hakikatnya, di bawah permukaan yang tenang itu, empayar perniagaan ini mengalami kekosongan kuasa yang nyata.

Keputusan strategik penting yang berkaitan penggabungan dan pengambilalihan, pelupusan aset, struktur pemilikan, tadbir urus dan perancangan pewarisan, semua ini perlu ditentukan dalam masa terdekat bagi memastikan bukan sahaja kelangsungan perniagaan tetapi juga usaha yang mampu menjana keuntungan.

Ananda, alumni Sekolah Perniagaan Harvard dengan nilai bersih dianggarkan USD4.8 bilion oleh Forbes. Beliau mungkin sudah tiada lagi untuk menerajui empayarnya. Bagaimanapun, persoalan utama yang bermain dalam dunia perbankan dan pelaburan kini ialah: "Siapakah bakal pembuat keputusan selepas ini?"

[TAMAT]



4 CPD HOURS


The New SORMIC Guide 2025

What It Is All About & Its Implications to Listed Issuers, Directors, Management & Auditors

 **3 NOVEMBER 2025**
MONDAY

 **9.00 AM - 1.00 PM**

 **MICROSOFT TEAMS**



Scan the QR Code to register




@MSWGMalaysia
mswg.org.my



16 CPD HOURS



Mastering Enterprise Risk Management

Building Resilient Organisations in a Dynamic World

 **3 & 4 NOVEMBER 2025**
MONDAY & TUESDAY

 **9.00 AM - 5.30 PM**

 **THE MAJESTIC HOTEL KUALA LUMPUR**



Scan the QR Code to register




@MSWGMalaysia
mswg.org.my



8 CPD HOURS



Navigating the National Sustainability Reporting Framework & Latest Bursa Listing Requirements

 **10 NOVEMBER 2025**
MONDAY

 **9.00 AM - 5.00 PM**

 **THE MAJESTIC HOTEL KUALA LUMPUR**



Scan the QR Code to register




@MSWGMalaysia
mswg.org.my



16 CPD HOURS



Business Continuity Management Masterclass

Building Resilience, Ensuring Rapid Recovery, and Sustaining Operations

 **24 & 25 NOVEMBER 2025**
MONDAY & TUESDAY

 **9.00 AM - 5.30 PM**

 **THE MAJESTIC HOTEL KUALA LUMPUR**



Scan the QR Code to register




@MSWGMalaysia
mswg.org.my

PENDEKHAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.